

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 26 NOVEMBER 2022
AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 3

Anwar fokus isu kos sara hidup

PM mahu jumpa semua agensi, bincang ringankan beban rakyat

Anwar fokus isu kos sara hidup

Oleh RIDZAUDDIN ROSLAN

PUTRAJAYA – Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang baru mengangkat sumpah jawatan itu kelmarin mahu memberi fokus dalam isu berkaitan kos sara hidup yang kini dihadapi rakyat.


Menurut Anwar, sebagai permulaan, dia akan mengadakan pertemuan dengan agensi terlibat pada minggu ini atau selewat-lewatnya Isnin depan bagi membincangkan perkara berkenaan.

Katanya, walaupun kekuatan ringgit serta Bursa Saham menunjukkan perkembangan positif berikutan pembentukan kerajaan baharu, pentadbirannya tetap mahu memfokus untuk mencari jalan penyelesaian berkenaan kos sara hidup.

"Saya akan aturkan pertemuan segera dengan jabatan dan agensi berkenaan.

"Kalau mereka tidak keberatan, mohon adakan pertemuan khas hujung minggu ini atau selewatnya Isnin.

"Saya faham cuti umum, kalau keberatan kita tangguh. Saya percaya dan kenal komitmen mereka kerana faham tugas dilaksanakan untuk ringankan beban rakyat," katanya pada sidang



ANWAR mengimbas kad perakam waktu bagi memulakan tugasnya secara rasmi di Pejabat Perdana Menteri di Bangunan Perdana Putra, Putrajaya semalam. – IHSAN JABATAN PENERANGAN

akbar khas di Perdana Putra di sini semalam.

Terdahulu, Anwar tiba di Bangunan Perdana Putra yang merupakan lokasi Pejabat Perdana Menteri kira-kira pukul 9.52 pagi untuk menyempurnakan sesi 'clock in' bagi memulakan tugas Perdana Menteri ke-10.

Beliau memulakan tugas di

Putrajaya semalam dengan mempercusikan mesyuarat bersama Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Mohd Zuki Ali dan pegawai-pejawai tertinggi kerajaan.

"Saya turut menerima panggilan telefon daripada Perdana Menteri Singapura Lee Hsien Loong dan Sultan Brunei, Sultan Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin

Waddaulah ibni Almarhum Sultan Omar Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien yang mengutuskan ucapan tahniah.

Kelmarin, Anwar dilantik sebagai Perdana Menteri ke-10 selepas mendapat perkenan daripada Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah.